

Enam lelaki mengaku terlibat sabung ayam didenda RM1,000

KUCHING: Padah terlibat dengan kegiatan sabung ayam, enam lelaki didenda RM1,000 atau sebulan penjara setiap seorang di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Muhammad Syafi Abdullah, 33, Kelvin Ronet, 22, Roberto Kentona Juang, 30, Terrance Gemog, 32, Choo Shin Hiang, 53 dan Mark Lee Marwan Almadanat, 22, mengaku bersalah sebaik didakwa di hadapan Majistret Ling Hui Chuan.

Kesemua lelaki terbabit dituduh melakukan kesalahan

itu sekitar jam 1 petang pada 10 April 2026 di kawasan tanah lapang di Kampung Chupak, Jalan Kuching-Serian di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 73(1)(g) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 dan dihukum mengikut Seksyen 73(1)(g) Ordinan sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda maksimum RM2,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mededahkan polis semasa Ops Dadu pergi tempat tersebut untuk mengesan kegiatan sabung ayam dan membuat pemerhatian selama lima minit.

Setibanya pasukan di tempat berkenaan, terdapat sekumpulan orang bertempiraran lari, namun akhirnya enam daripada mereka berjaya ditahan oleh polis.

Polis turut merampas peralatan disyaki digunakan untuk kegiatan sabung ayam iaitu seekor ayam hidup, seekor bangkai ayam, dua

bilah taji ayam dan wang tunai RM200.

Hasil siasatan polis kemudian mendapati aktiviti sabung ayam berkenaan tidak memiliki sebarang lesen atau kebenaran daripada pihak berwajib.

Malah, kesemua tertuduh mengaku telah melakukan aktiviti sabung ayam tanpa lesen.

Pendakwaan dilakukan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin sementara kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.